

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

BST 421/3 - Ekologi Sumber Alam

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan yang diberikan, dalam Bahasa Malaysia.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

...2/-

1. "Agenda 21 menangani masalah-masalah utama hari ini dan bertujuan juga menyiapkan dunia untuk cabaran-cabaran abad selepas ini" - Deklarasi Rio, Persidangan Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Persekitaran dan Pembangunan tahun 1992. Bincangkan strategi pengurusan sumber alam yang terkandung di dalamnya.

(20 markah)

2. Agenda 21, Bab 10 (Pendekatan Bersepadu Terhadap Perancangan dan Pengurusan Sumber Tanah) menyentuh tentang konflik-konflik guna tanah yang wujud hari ini di dunia. Huraikan apakah konflik-konflik berkenaan dan cadangkan penyelesaiannya.

(20 markah)

3. Pembinaan empangan-empangan besar membawa pelbagai masalah alam sekitar. Bincangkan kebaikan dan keburukan empangan sebagai satu punca penjanaan kuasa.

(20 markah)

4. Apakah yang dimaksudkan dengan biodiversiti atau kepelbagaian spesies? Apakah sumbangan biodiversiti kepada manusia?

(20 markah)

5. Penggunaan bahan api fosil hari ini telah mencapai kadarcepat yang tidak lagi mampan. Bincangkan kesesuaian punca-punca tenaga alternatif lain.

(20 markah)

6. Tuliskan nota-nota mengenai DUA (2) tajuk berikut:-

(a) Kemerosotan kualiti tanah.

(10 markah)

(b) Revolusi hijau

(10 markah)

(c) Ekopelancungan

(10 markah)

- oooOooo -